

AQB0472

**RIWAYAT ISRAILIYYAT:  
PENGARUHNYA DALAM MANUSKRIP  
HADITH DI ALAM MELAYU**

**ROSMAWATI BT ALI @ MAT ZIN**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH USULUDDIN**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH  
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2004**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511430909

## SUMBANGSIH

*al-Fātiḥah* untuk:

**Arwah Abah, Chik, Ayah, Mak, adikku Mohd Hattai serta para guruku yang telah mendahuluiku, semoga roh kalian dirahmati Allah. Sumbangan kalian akan penulis manfaatkan sepanjang masa.**

Suamiku:

**Ab. Latif Muda, terlalu besar pengorbanan Abang untuk diri ini, hanya Allah yang boleh membalasnya.**

Anak-anakku:

**Liana, Marini, Abrar, Al-Aswa, Asrar, Aban dan Al-Ahwaziy...pengertian dan kesabaran yang kalian tunjukkan terhadap perjuangan ibumu amat membanggakan. Perjuangan ini tidak akan ada penghujungnya. Ia baru bermula. Jadilah anak-anak yang mengutamakan ilmu dari segalanya.**

## **ABSTRAK**

Kajian ini cuba menjelaskan hubungan dan kedudukan riwayat Israiliyyat mengikut perspektif hadith yang dipelopori oleh ulama hadith dengan pelbagai hujah dan dalil untuk menentukan klasifikasi sesebuah riwayat. Hal tersebut kerana, riwayat Israiliyyat mempunyai beberapa kategori iaitu, yang diterima serta selaras dengan syarak. Malah ada yang didiamkan hukumnya iaitu tidak ada nas jelas menerangkan atau menyokongnya atau menolak periyatannya. Seterusnya pula ada kategori riwayat yang ditolak kerana bercanggah dengan nas. Secara lebih khusus, penulis membahagikan tesis ini kepada empat topik utama iaitu pengenalan kepada riwayat Israiliyyat, yang merangkumi takrifan dan hubungannya dengan bani Israil. Seterusnya, kajian cuba menelusuri beberapa perawi dari berlainan latar belakang serta zaman untuk mengetahui kedudukan mereka dan hubungannya secara khusus dengan riwayat Israiliyyat. Setelah itu, kajian beralih pula ke Alam Melayu untuk meninjau latarbelakang penghasilan manuskrip dan pegangan masyarakat. Akhirnya penulis cuba mengambil beberapa contoh manuskrip Melayu sebagai sampel kajian untuk mengetahui sejauh mana pengaruh riwayat Israiliyyat di dalam sumber Islam di Alam Melayu. Seterusnya pula, untuk memudahkan kajian, penulis mengklafisikasikan contoh riwayat Israiliyyat kepada empat skop utama yang sekaligus menjadi sampel kepada riwayat-riwayat Israiliyyat lain. Rasional penulis memilih skop-skop ini sebagai sampel kerana ia persoalan besar dan popular di kalangan masyarakat Melayu. Persoalan-persoalan tersebut merangkumi perkara-perkara berikut: Rahsia kejadian makhluk, kisah-kisah para nabi dan rasul, kisah-kisah umat terdahulu dan kiamat serta perkara yang bersangkut paut dengan *ghaybiyyāt*.

## ***ABSTRACT***

### ***Israiliyyat Tale: Its Influence In Manuscript Of Hadith In Malay Archipelago***

This research is to clarify the relationship and the position of Israiliyyat tales based on the perspective of hadith, which the hadith scholars (*muhaddithin*) have valid proof in the classification into various levels according to the strength of the various support, proof and authenticity. The level ranges from those that are in line and accepted by the Islamic Law (the Syariah) to those that are rejected on the basis of contradictory facts and without support or proof. The middle category are those that are left without any decision made on them because of insufficient explanation, proof and also in some cases rejected the origin. Specifically, the writer divides the thesis into four main chapters namely The Introduction Of The Israiliyyat Tales which includes the definition and its relationship to the Israelis. Further the research explores ‘perawi’ (transmitter) form different background and period so as to know their relationships in particular to the Israiliyyat tales. From there, the research moves to the Malay archipelago to seek the background of manuscript and believes of the people in this region on this subject. Finally, the writer will extract some sample of these Malay manuscripts as basis material to test how much of the Israiliyyat tales have influenced the Muslims sources in Malay archipelago. Further to ease the research, the writer has classified the samples into four main scopes, which simultaneously become the sample of all other Israiliyyat tales. The rational for choosing this as the sample is because that it is a big matter of concern to Malays hence important and popular. These debates include: The secrets of the creation mankind, the stories of the prophets and their ancestors, the Judgement Day and those related to *ghaybiyyāt*.

## تلخيص البحث

**الرواية الإسرائيلية: أثرها في خطوطات الأحاديث في البيئة الملايوية**

تُحاول هذه الرسالة توضيح علاقة الروايات الإسرائيلية ومكانتها على ضوء الأحاديث التي نهج سبيلها علماء الحديث بمختلف الحجج والأدلة لتحديد نوع روایة من الروايات . ذلك لأن الروايات الإسرائيلية لها أنواع معينة ، منها ما يقبل ويوافق مع الشريعة ، بل منها ما يسكت على حكمه ، إذ ليس هناك نص صريح يشرحه أو يؤيده أو يرد روایته ، كما أن هناك نوعاً من الرواية التي ترد لتعارضها مع النص . هذا وقد قسمت الباحثة على وجه التحديد هذه الرسالة إلى أربعة فصول رئيسة ، أولها المدخل إلى الرواية الإسرائيلية بما فيه تعريفها وعلاقتها ببني إسرائيل ، ثم استمرت الباحثة في تتبع أحوال عدد من الرواية من مختلف خلفياتهم وأزمنتهم للوقوف على مكانتهم وعلاقتهم بالرواية الإسرائيلية على وجه الخصوص . وبعد ذلك تولي الرسالة شطر جانب آخر ، وهو البيئة الملايوية للاطلاع على خلفية كتابة المخطوطات وعقيمة المجتمع . وأخيراً اتخذت الباحثة عدة خطوطات ملايوية بوصفها عينات بحث لمعرفة مدى تأثير الرواية الإسرائيلية في المصادر الإسلامية في البيئة الملايوية . وبعد ذلك تسهيلاً للبحث ، صنفت الباحثة تماذج الروايات الإسرائيلية في أربعة مجالات رئيسة تمثل في الوقت نفسه عينات للروايات الإسرائيلية الأخرى . وسبب اختيار هذه المجالات واتخاذها عينات هو أنها تشكل قضايا كبيرة ومنتشرة لدى المجتمع الملايو . وهذه القضايا تشمل الأمور الآتية : أسرار الكون ، وقصص الأنبياء والرسل ، وقصص الأمم السابقة والقيامة والأمور المتعلقة بالغيب .

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. di atas limpahan rahmat dan hidayah-Nya tesis ini dapat diselesaikan. Dengan sukacitanya penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada yang dihormati Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor yang sudi menyelia tesis ini dari awal hingga akhirnya dengan penuh kesabaran. Selaku penyelia, Prof. Madya Dr. Abdul Hayei banyak menyumbang ilmu dan kepakarannya, bimbingan, pertolongan serta teguran yang membina kepada penulis. Beliau tidak pernah jemu melayan karenah penulis demi menjelmakan sebuah tesis yang lebih baik, sempurna dan dipertanggungjawabkan. *In syā' Allāh*, penulis akan cuba sedaya upaya memanfaatkannya sebagai '*ilm yunufa'* bih. Ganjarannya hanya Allah yang mampu membalasnya.

Penulis juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ketua Jabatan Al-Qur'an dan Al-Hadith, Prof. Madya Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff yang sentiasa memberikan sokongan padu dan bersedia membantu penulis semasa kajian ini dijalankan. Penulis tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaya yang menaruh kepercayaan kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan ini. Dengan beraswaja ini penulis mampu menyiapkan sebuah penyelidikan ilmiah tanpa menghadapi sebarang masalah kewangan.

Banyak lagi ucapan terima kasih yang sepatutnya penulis rakamkan khususnya kepada para pensyarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang tidak jemu-jemu membantu, mencurahkan ilmu serta kepakaran kepada penulis sepanjang penulis sebagai penuntut di sini bermula di Nilam Puri sehingga

peringkat Ph.D. *Jazākum Allāh Khayr al-Jazā'*. Penulis akan memanfaatkan ilmu yang dicurahkan untuk berbakti kepada agama dan bangsa. Redakanlah ilmu yang dicurahkan itu untuk penulis salurkan kepada amal jariah.

Walaupun berada jauh di mata, namun, hati ini tidak lupa untuk menitipkan *al-syukr* kepada guru-guru penulis di Jordan, Dr. Yūsuf Muḥammad ‘Alī, Prof. Dr. Zayn al-‘Ābidīn, Dr. Syeikh Wālī Allāh, Dr. Fath Allāh, Syeikh Maḥmūd dan Syeikh Fawwāz. Ilmu yang kalian curahkan kerana Allah akan penulis jelaskan untuk meningkat dan meninggikan syiar Islam di alam ini.

Penulis juga tidak lupa mengaturkan ucapan terima kasih kepada para pemeriksa: Dr. Ramli Awang (UTM), Prof. Madya Dr. Muhammad Zainiy bin Uthman (ISTAC) dan Prof. Madya Dr. Fauzi Deraman (UM), yang banyak memberi teguran ke arah memperbaiki lagi mutu tesis ini. Tidak lupa juga kepada Dr. Najib Abdullah al-Qari dan Ustaz Asri Yusuf, yang banyak memberikan sumbangan bahan rujukan dan ~~pandangan~~ kepada penulis. Penulis banyak berbincang dan meminta bantuannya dari segi rujukan dan buah fikiran. Penulis juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Haji Wan Mohd Saghir Abdullah, Ustaz Mat Taib Pa, Puan Noraini Adnan, Saiful, Encik Abbas serta mereka yang sentiasa memberikan bantuan yang tidak berbelah bagi kepada penulis. Bantuan kalian tidak akan penulis lupa. Penulis doakan semoga kalian dirahmati Allah sentiasa.

Penulis juga amat menghargai pertolongan dan kerjasama yang diberikan oleh para pegawai serta kakitangan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan

Negara Malaysia, Kuala Lumpur, yang sabar melayani permintaan penulis. Ucapan terima kasih penulis khusus juga kepada kakitangan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan cawangan Nilam Puri, Kelantan, warga kerja Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam dan semua pihak yang terlibat menghulurkan bantuan kepada penulis mendapatkan bahan-bahan kajian.

Harapan penulis semoga tesis ini dimanfaatkan bukan sahaja kepada masyarakat awam, tetapi juga kepada para penyelidik, ahli akademik, mahasiswa dan sesiapa sahaja yang bercita-cita memartabatkan profesion akademik dan mendokong *al-sunnah* sebagai sumber kedua selepas Al-Qur'an untuk selamanya. Penulis berdoa semoga tesis ini menjadi amal jariah untuk guru-guru penulis.

## KEPENDEKAN

bil.	= bilangan
bhgn.	= bahagian
c.	= cetakan
DBP	= Dewan Bahasa Dan Pustaka
dkk./et.al	= dan kawan-kawan
Dr.	= Doktor
dsb.	= dan sebagainya
e.	= edisi
ed.	= Editor
h.	= halaman
H.	= Hijrah
<i>Ibid.</i>	= <i>ibidiem</i> : Pada tempat yang sama
j.	= jilid/juzuk
<i>k.w.</i>	= <i>karram Allah wajhah</i>
M.	= Masehi
m.	= Meninggal dunia
MS/MSS	= nombor manuskrip (Mengikut katalog PMM-PNM)
no.	= nombor
<i>op.cit.</i>	= <i>op.cit.</i> : Dalam karya yang dirujuk sebelum/rujukan berselang
PMM	= Pusat Manuskrip Melayu
PNM	= Perpustakaan Negara Malaysia
Prof.	= Profesor
<i>r. 'a.</i>	= <i>rađī Allāh 'anh</i>
<i>s. 'a..w.</i>	= <i>ṣallā Allāh 'alayh wa sallam</i>
<i>s.w.t.</i>	= <i>subḥānah wa ta'ālā</i>
Terj.	= Terjemahan
t.t.	= tanpa tarikh
T.P.	= Tanpa Penerbit
T.T.P.	= Tanpa Tempat Penerbit

## TRANSLITERASI

Kajian ini menggunakan kaedah transliterasi huruf Arab ke huruf Rumi\* dalam menulis perkataan-perkataan berbahasa Arab. Ini adalah kerana tidak semua huruf Arab dapat dipadankan dengan huruf rumi. Kaedahnya sebagaimana berikut:

Huruf Arab	:	Transliterasi
ء	:	a,
ب	:	b
ت	:	t
ث	:	th
ج	:	j
ح	:	h
خ	:	kh
د	:	d
ذ	:	dh
ر	:	r
ز	:	z
س	:	s
ش	:	sy
ص	:	§
ض	:	ɖ
ط	:	t̪
ظ	:	z̪
ع	:	‘
غ	:	gh

---

\* Dewan Bahasa Dan Pustaka (1992), *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*, c. 2. Kuala Lumpur: DBP; \_\_\_\_\_ (1987), *Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia*, Kuala Lumpur, DBP; Akademi Pengajian Islam (2001), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

ف	:	f
ق	:	q
ك	:	k
ل	:	l
م:	:	m
ن	:	n
هـ	:	h
و	:	w/u
ي	:	y/i
ة	:	h

## Vokal Panjang

ا : a  
و : u  
ي : i

## **Vokal Pendek**

- ( <i>fathah</i> )	:	a
- ( <i>dammah</i> )	:	u
- ( <i>kasrah</i> )	:	i

## Diftong

أَوْ	:	aw
أَيْ	:	ay
يَّ	:	iy/i <sup>ī</sup>
وَ	:	uwv

## SENARAI MANUSKRIP

- Akhbār al-Ākhirah Fī Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2471, PMM-PNM
- Al-Durr al-Basīm Fī Aṣḥāb al-Kahf Wa al-Raqīm*, MS 1668, PMM-PNM.
- Al-Durr al-Thamīn Fī Bayān ‘Aqā’id al-Mu’mīn*, MSS 2433, PMM-PNM.
- Al-Kawkab al-Durriy Fī al-Nūr al-Muhammadī*, MSS 1743 (A), PMM-PNM.
- Hikayat Iskandar Zulkarnain*, MS 288, PMM-PNM.
- Hikayat Nabi Ayub*, MSS 1664, PMM-PNM.
- Hikayat Nabi Daud*, MSS 1568, PMM-PNM.
- Hikayat Nabi Sulaiman*, MSS 2247, PMM-PNM.
- Kasyf al-Ghumma*, MS 2223, PMM-PNM.
- Kasyf al-Ghaybiyyah Fī Ahwāl al-Qiyāmah*, MSS 2404, PMM-PNM.
- Khalq al-Samāwāt Wa al-Ard*, MS 1051, PMM-PNM.
- Kifāyah al-Muhtāj Fī Isrā’ Wa al-Mi'rāj*, MSS 2413, PMM-PNM.
- Kitab Mengenai Sakaratulmaut Dan Alam Ghaib*, MSS 2528, PMM-PNM.
- Rangkaian Kisah Nabi-Nabi Dan Hukum-Hukum Fiqh*, MS 480, PMM-PNM.
- Sejarah Anbiya'*, MSS 1663, PMM-PNM.
- Tanbīh al-Ghāfilīn*, MSS 2537, PMM-PNM.
- Ward al-Zawāhir*, MSS 2550, PMM-PNM.

## DAFTAR ISI

Tajuk	Halaman
<b>HALAMAN JUDUL</b>	
SUMBANGSIH	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
تلخيص البحث	v
PENGHARGAAN	vi
KEPENDEKAN	ix
TRANSLITERASI	x
SENARAI MANUSKRIP	xii
DAFTAR ISI	xiii

## PENDAHULUAN

1. Pengenalan	1
2. Latar Belakang Masalah	3
3. Objektif Kajian	3
4. Masalah Kajian	4
5. Kerangka Teori	5
6. Hipotesis	6
7. Kepentingan Kajian	6
8. Skop Kajian	7
9. Huraian Istilah	8
10. Kajian Lepas	9
11. Metodologi Kajian	14
12. Susunan Penulisan	15

<b>BAB 1: PENGENALAN ISRAILIYYAT</b>	<b>18</b>
1.1 Pengertian	18
1.1.1 Bahasa	18
1.1.2 Istilah	21
1.2 Pengertian Manuskip Hadith Melayu	23
1.2.1 Pengertian Manuskip	24
1.2.2 Pengertian Melayu	24
1.2.3 Pengertian Hadith	26
1.3 Ilmu Hadith	30
1.3.1 Riwāyah	31
1.3.2 Dirāyah	33

<b>1.4 Sejarah Israiliyyat</b>	<b>36</b>
<b>1.4.1 Sejarah Bani Israil</b>	<b>36</b>
a. Nama Dan Gelaran	36
b. Sejarah Penghijrahan Bani Israil	39
c. Puak Bani Israil	44
i. Golongan Yahudi	44
ii. Golongan Nasrani	48
<b>1.4.2 Pengaruh Yahudi Dalam Islam</b>	<b>52</b>
<b>1.4.3 Sejarah Perkembangan Israiliyyat Dalam Penulisan Islam</b>	<b>56</b>
<b>1.5 Faktor Periwayatan Israiliyyat</b>	<b>65</b>
<b>1.5.1 Faktor Dalaman</b>	<b>66</b>
<b>1.5.2 Faktor Luaran</b>	<b>69</b>
<b>1.6 Hukum Riwayat Israiliyyat</b>	<b>71</b>
<b>1.6.1 Hujah-Hujah Tegahan</b>	<b>72</b>
<b>1.6.2 Hujah-Hujah Membenarkan</b>	<b>80</b>
<b>1.6.3 Kompromi Perbezaan Pendapat</b>	<b>85</b>
<b>1.6.4 Sikap Terhadap Riwayat Israiliyyat</b>	<b>93</b>
<b>1.7 Penilaian Riwayat Israiliyyat</b>	<b>94</b>
<b>1.7.1 <i>Maqbūl</i></b>	<b>94</b>
<b>1.7.2 <i>Mardūd</i></b>	<b>98</b>
<b>1.7.3 <i>Maskūt</i></b>	<b>101</b>
<b>BAB 2: SUMBER DAN BAHAN RIWAYAT ISRAILIYYAT</b>	<b>104</b>
<b>2.1 Sumber Riwayat Israiliyyat</b>	<b>104</b>
<b>2.1.1 Riwayat Sahabat</b>	<b>104</b>
a. Abū Hurairah	106
b. ‘Abd Allāh bin ‘Abbās	114
c. ‘Abd Allāh bin ‘Amr bin al-‘Ās	124
d. ‘Abd Allāh bin Salām	131
e. Tamīm al-Dārī	133
<b>2.1.2 Riwayat <i>Tābi’īn</i></b>	<b>141</b>
a. Ka‘ab al-Aḥbār	142
b. Wahab bin Munabbih	146
<b>2.1.3 Riwayat <i>Tābi’ al-Tābi’īn</i></b>	<b>155</b>
a. Muḥammad bin al-Sā’ib al-Kalbī	155
b. ‘Abd al-Malik bin ‘Abd al-‘Azīz bin Jurayj	157

c.	Ibn Ishāq	161
d.	Muqātil bin Sulaymān	165
e.	Muhammad bin Marwan al-Suddī	168
<b>2.2</b>	<b>Skop Riwayat Israiliyat Dalam Sumber Islam</b>	<b>169</b>
<b>2.2.1</b>	<b>Kisah Para Nabi</b>	<b>170</b>
a.	Nabi ’Ādam ‘a.s.	170
b.	Nabi Ayyūb ‘a.s.	171
c.	Nabi Dāwūd ‘a.s.	173
d.	Nabi Sulaymān ‘a.s.	179
e.	Nabi Mūsā ‘a.s.	182
<b>2.2.2</b>	<b>Umat-umat Terdahulu</b>	<b>184</b>
a.	Luqmān al-Ḥakīm	184
b.	Kesesatan Bani Israil Di Sina’	185
c.	<i>Aṣḥāb al-Sabt</i>	187
d.	Dhū al-Qarnayn	188
e.	Qārūn	189
<b>2.2.3</b>	<b>Rahsia Kejadian Alam</b>	<b>191</b>
a.	Penciptan Bumi	191
b.	Kejadian Matahari	192
c.	<i>Nūn</i>	193
d.	Kejadian Bulan	195
e.	Galaksi ( <i>al-Majarrah</i> )	196
<b>2.2.4</b>	<b>Ghaybiyyāt</b>	<b>197</b>
a.	Hārūt Dan Mārūt	198
b.	Syaitan	200
c.	Syurga	201
d.	<i>Al-Kursiyy</i>	201
e.	Penjelmaan Semula	202
<b>2.2.5</b>	<b>Tanda-Tanda Kiamat</b>	<b>203</b>
a.	Tempoh Kiamat	204
b.	Ya’jūj Dan Ma’jūj	204
c.	<i>Dābbah</i>	205
d.	<i>Al-Mawqif</i>	205
e.	<i>Mahsyar</i>	206
<b>2.3</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>207</b>
<b>BAB 3 : SEJARAH MANUSKRIP HADITH DI ALAM MELAYU</b>		<b>209</b>
<b>3.1</b>	<b>Pendahuluan</b>	<b>209</b>
<b>3.2.</b>	<b>Latar Belakang Pengajian Islam di Alam Melayu</b>	<b>211</b>

<b>3.2.1 Patani</b>	<b>215</b>
<b>3.2.2 Kelantan</b>	<b>220</b>
<b>3.3 Sejarah Manuskrip Melayu Islam</b>	<b>225</b>
<b>3.4 Pengenalan Manuskrip Hadith Melayu</b>	<b>232</b>
<b>3.4.1 Pengarang</b>	<b>237</b>
a. Nuruddin al-Raniri	237
b. Daud bin Abdullah al-Fatani	240
c. Wan Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani	242
d. Nik Mat Kechik Patani	244
<b>3.4.2 Beberapa Contoh Manuskrip Hadith Melayu</b>	<b>245</b>
a. <i>Akhbār al-Ākhirah Fī Ahwāl al-Qiyāmah</i>	245
b. <i>Kasyf al-Ghaybiyyah Fī Aḥwal Yawm al-Qiyāmah</i>	247
c. <i>Ward al-Zavāhir</i>	248
d. <i>Al-Durr al-Thamīn Fī 'Aqā'id al-Mu'minīn</i>	249
<b>3.5 Kesimpulan</b>	<b>250</b>
 <b>BAB 4: ANALISIS RIWAYAT BERUNSUR ISRAILIYYAT DALAM MANUSKRIP HADITH DI ALAM MELAYU</b>	
<b>4.1 Sumber Rujukan Menangani Israiliyyat</b>	<b>252</b>
<b>4.2 Faktor Israiliyyat Dalam Manuskrip</b>	<b>253</b>
<b>4.3 Metodologi Kajian Riwayat Israiliyyat</b>	<b>257</b>
<b>4.3.1 Sanad</b>	<b>257</b>
<b>4.3.2 Matan</b>	<b>259</b>
<b>4.4 Analisis Riwayat Berunsur Israiliyyat</b>	<b>262</b>
<b>4.4.1 Penciptaan Makhluk</b>	<b>265</b>
i. Bumi, Langit Dan Isinya	266
ii. Jabal <i>Qāf</i>	271
iii. Usia Dunia	275
iv. Kejadian Manusia Pertama	280
<b>4.4.2 Kisah-Kisah Nabi</b>	<b>284</b>
i. Nabi 'Ādām 'a.s.	285
ii. Nabi Sulaymān 'a.s.	288
iii. Nabi Dāwūd 'a.s.	294
iv. Nabi Ayyūb 'a.s.	301

<b>4.4.3</b>	<b>Umat Terdahulu</b>	<b>304</b>
i.	<i>Aṣḥāb al-Kahf</i>	305
ii.	Dhū al-Qarnayn	308
iii.	Bani Israil	312
<b>4.4.4</b>	<b>Tanda-Tanda Kiamat Dan Ghaybiyyāt</b>	<b>316</b>
i.	Ya'jūj Dan Ma'jūj	317
ii.	Kehancuran Gunung, Jangka Masa Tiupan Israfil Dan <i>Šūr</i>	324
iii.	Dābbah	328
iv.	'Arasy	330
v.	Pokok <i>Tūbā</i> Di Dalam Syurga	334
<b>4.5</b>	<b>Kaedah Mengenali Riwayat Israiliyyat</b>	<b>337</b>
<b>PENUTUP</b>		<b>343</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>355</b>

## **PENDAHULUAN**

## PENDAHULUAN

### 1. Pengenalan

Penulis telah memilih tajuk *Riwayat Israiliyyat: Pengaruhnya Dalam Manuskrip Hadith Di Alam Melayu*, sebagai isu yang sangat penting dan menarik untuk dibincangkan. Memandangkan kajian mengenainya membabitkan riwayat dan metodologi periyatan, ia secara langsung membawa makna penyelidikan ini tidak lari dari bidang kajian iaitu hadith. Dominan kajian ini ialah meninjau riwayat-riwayat yang terdapat di dalam manuskrip Melayu yang mempunyai ciri-ciri berunsur Israiliyyat.

Perkataan Israiliyyat adalah satu kalimah yang begitu asing bagi masyarakat awam di Alam Melayu. Namun kandungan riwayat tersebut telah lama bertapak dan sebatи di dalam pola kehidupan mereka. Malah ia diwarisi dari satu generasi ke satu generasi sebagai pengetahuan agama yang wajib diketahui oleh setiap muslim. Kewujudannya sedikit demi sedikit, sama ada sedar atau tidak, ia tidak boleh dinafikan.

Contohnya, kisah ketampanan Nabi Yūsuf ‘a.s., ujian penyakit yang menimpa Nabi Ayyūb ‘a.s., kegagahan dan pengembaraan Dhū al-Qarnayn, sifat-sifat Dajjāl, Ya’jūj dan Ma’jūj, kejadian Nabi ‘Ādām ‘a.s. dan sebagainya. Apa yang jelas, riwayat-riwayat ini menjadi sebahagian maklumat dalam sesuatu karya. Naskhah manuskrip yang mengandungi riwayat-riwayat adalah lebih menarik dan sering mendapat perhatian masyarakat Melayu.

Malah dewasa ini ada di antara institusi pendidikan tinggi menjadikannya satu kursus atau subjek pengajian mereka. Ia adalah satu usaha yang baik dan wajar diteruskan dari masa ke semasa, terutama manuskrip karangan pengarang Melayu yang seujarnya diketengahkan. Ia wajar diberi perhatian, kerana dalam memahami proses Islamisasi melalui penulisan tidak terhenti pada ulama atau karyawan Melayu, malah harus diteruskan oleh generasi hari ini untuk lebih maju dan bertamadun.

Sebagaimana sumber Islam berbahasa Arab, manuskrip Islam berbahasa Melayu juga memerlukan kajian, suntingan dan suntikan terhadap kandungannya. Ini bertujuan menjaga dan meningkatkan kedudukannya sebagai sebahagian sumber agama masyarakat Melayu. Ulama Melayu telah bertungkus lumus memperkenalkan Islam di alam ini, adalah wajar generasi hari ini membaca, meneliti dan melakukan kajian terhadap karya-karya mereka. Apatah lagi para pengarang Melayu sering menyatakan bahawa mereka hanya manusia biasa yang kemungkinan boleh melakukan kesilapan tanpa disedari atau terlupa. Mereka sedia menerima sebarang teguran yang membina kerana sememangnya manusia itu tidak dapat lari dari sebarang kesilapan atau kecacatan.

Justeru, kajian ini cuba melihat pengaruh Israiliyyat di dalam manuskrip Hadith Melayu. Penulis merasakan kajian ini mustahak dilakukan dan masyarakat Melayu perlu mengetahuinya dan menjadi umat Islam yang celik. Ini adalah kerana kita ada dasar yang kukuh, tidak sebagaimana Taurat, Injil atau Zabur yang telah hilang ketulenannya.

Manuskrip Melayu telah lama dikumpul dan disimpan oleh bangsa asing di negara mereka sebagai bahan penyelidikan dan rujukan. Atas dasar ini menambahkan keinginan penulis untuk meneliti manuskrip karangan penulis Melayu yang sebahagian besarnya sudah tersimpan dan terkumpul di dalam negara. Adalah mustahak, penulis membuat analisis dan kajian terhadap sebahagian kandungan manuskrip terutama yang berkaitan dengan hadith sebagai langkah awal menjaga dan memartabatkan karya ulama Melayu.

## **2. Latar Belakang Masalah**

Latar belakang isu kepada kajian ini ialah pengaruh riwayat Israiliyyat dalam penghasilan manuskrip serta mencari faktor kemasukan riwayat ini di dalam manuskrip. Kajian juga akan melihat bentuk dan skop riwayat Israiliyyat yang ada di dalam manuskrip. Selain itu kajian juga memfokuskan kepada sumber-sumber pengambilan riwayat Israiliyyat apakah ia mempunyai kaitan dengan penulis-penulis di Asia Barat atau lainnya.

## **3. Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ini:

- a. Mengenal pasti manuskrip hadith Melayu yang mengandungi riwayat Israiliyyat.
- b. Mengadakan garis panduan bagi mengenali riwayat Israiliyyat dan statusnya menurut kaedah Ilmu Hadith khusus dalam manuskrip hadith Melayu.

- c. Mengklasifikasikan riwayat-riwayat Israiliyyat dalam manuskrip hadith Melayu.
- d. Memperkenalkan tokoh-tokoh penulis manuskrip hadith Melayu yang memuatkan riwayat Israiliyyat.

#### **4. Masalah Kajian**

Masalah kajian tajuk ini ialah:

- a. Adakah unsur-unsur Israiliyyat dalam manuskrip hadith Melayu yang bertentangan dengan Islam.
- b. Apakah faktor-faktor yang menyumbang tersebar riwayat Israiliyyat dalam manuskrip hadith Melayu.
- c. Adakah kemungkinan agenda tidak langsung terlibat memasukkan unsur-unsur Israiliyyat dalam manuskrip hadith Melayu untuk merosakkan agama ini.
- d. Apakah sikap masyarakat Melayu terhadap riwayat Israiliyyat dalam manuskrip hadith Melayu.
- e. Apakah bidang-bidang pengaruh Israiliyyat dalam manuskrip hadith Melayu.
- f. Apakah ada perbeaan antara pusat-pusat perkembangan Islam di Nusantara dalam menghasilkan manuskrip hadith Melayu yang berunsur Israiliyyat.

## **5. Kerangka Teori**

Kajian ini cuba melihat persoalan mengenai riwayat Israiliyyat dalam manuskrip hadith Melayu mempunyai kemungkinan-kemungkinan yang boleh dijadikan teori atas kajian, antaranya:

- a. Kemungkinan adanya sikap taklid kepada ulama sebelumnya sehingga riwayat Israiliyyat dinukilkan tanpa perubahan dalam manuskrip hadith Melayu.
- b. Penulis juga melihat adanya kemungkinan penulis manuskrip tidak mahu keluar daripada kepompong aliran pemikiran yang dianuti pada masa itu.
- c. Kemungkinan juga penulis manuskrip sekadar memenuhi permintaan para pembesar atau individu tertentu dalam menghasilkan manuskrip hadith Melayu.
- d. Kemungkinan disiplin ilmu penulis manuskrip yang memegang prinsip amanah dan warak ketika melakukan penyuntingan dari sumber asal.
- e. Ada kemungkinan juga unsur-unsur akidah, budaya dan kecenderungan serta minat masyarakat menyebabkan manuskrip dihasilkan.
- f. Kemungkinan juga penulis melihat kepada keutamaan dan keperluan masyarakat Islam waktu itu dalam menghasilkan manuskrip.

## **6. Hipotesis**

Andaian-andaian yang timbul dari asas teori yang boleh diketengahkan dalam kajian ini ialah:

- a. Aspek penukilan riwayat Israiliyat yang terikat dengan sumber rujukan asal tanpa membuat sebarang pindaan.
- b. Pengabaian metod dalam kaedah ilmu periwatan hadith.
- c. Anggapan penulis manuskrip yang tidak mengapa kerana ada ulama muktabar menulis dalam kitab-kitab mereka.
- d. Anggapan penulis manuskrip yang merasakan ia tidak membabitkan persoalan akidah.

## **7. Kepentingan Kajian**

Penulis merasakan kajian ini amat penting kerana:

- a. Kajian ini akan memberikan definisi sebenar apakah yang dimaksudkan sebagai manuskrip Hadith Melayu dengan ciri-ciri yang terdapat padanya, iaitu sebarang manuskrip yang mengandungi riwayat sebagai fakta perbincangan.
- b. Kajian ini adalah kajian ‘pioneer’ atau perintis kepada kajian Israiliyat dalam manuskrip di Nusantara, memandangkan kajian-kajian sebelum ini berkaitan dengan manuskrip Melayu adalah dalam bentuk transliterasi atau budaya, bukan menumpukan kepada Israiliyat. Kajian ini mencari kelainan dalam mengkaji manuskrip

Melayu di Nusantara yang memberi tumpuan khusus kepada manuskrip Hadith, dimana penulis memberikan definisinya tersendiri.

- c. Kajian sebelum ini menumpukan kepada kandungan dan metodologi hasil *karya* pengarang Melayu. Dengan ini penulis menyedari perlunya satu kajian dalam sudut periwatan untuk melihat sejauh mana pengaruh Israiliyyat dan mengklasifikasikannya kepada empat skop penting di kalangan masyarakat Melayu.
- d. Walaupun kajian sebelum ini ada mengupas mengenai riwayat Israiliyyat, namun dalam konteks di Asia barat, bukan di Alam Melayu.
- e. Kajian ini melihat perlu diterokai dalam manuskrip Melayu riwayat berunsur Israiliyyat dan meneliti metodologi yang digunakan dalam menukilkhan riwayat ini.
- f. Kajian ini juga mengupas kedudukan riwayat Israiliyyat ditolak yang disandarkan kepada perawi-perawi *thiqah* sedangkan mereka tidak meriwayatkannya dengan menjurus kepada kedudukan silsilah *sanad* yang lemah dan diragui dinisbahkan kepada mereka secara palsu.

## **8. Skop Kajian**

Kajian ini membataskan kepada 17 buah manuskrip yang menukilkhan riwayat Israiliyyat. Manuskrip-manuskrip ini tersimpan di Pusat Manuskrip

Melayu (PMM)<sup>1</sup>, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur yang menjadi tempat utama kajian ini dilakukan.

Penulis membahagikan riwayat Israiliyyat di dalam manuskrip hadith Melayu kepada empat skop utama iaitu: Rahsia kejadian alam, kisah para Rasul, umat-umat terdahulu serta hari Akhirat dan *ghaybiyyāt*. Memandangkan setiap skop mempunyai banyak topik perbincangan, penulis memilih beberapa topik sebagai sampel kajian.

## 9. Huraian Istilah

Penulis memilih perkataan riwayat Israiliyyat yang membawa erti segala bentuk nukilan sama ada disandarkan kepada Rasulullah s. 'a.w., Sahabat, *Tābī'īn* atau *Tābi'ī al-Tābi'īn* yang mengandungi unsur-unsur yang berasal dari sumber Bani Israel atau Ahli Kitab. Manakala maksud manuskrip hadith ialah merujuk sebarang naskhah bertulisan tangan bercorak Islam yang membawa hadith atau riwayat sebagai fakta dan data untuk menghuraikan sesuatu isu. Justeru, manuskrip hadith bukan manuskrip yang membincangkan ilmu hadith, tetapi perbincangannya menyentuh persoalan akidah, tasawuf, sejarah, hukum atau lainnya, dengan riwayat. Ia adalah hasil-karya pengarang Melayu menggunakan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu.

---

<sup>1</sup> Pusat Manuskrip Melayu (PMM) adalah satu bahagian yang ditubuhkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur. Ia terletak di Aras 1, bangunan Perpustakaan Negara Malaysia.

## 10. Kajian Lepas

Kajian mengenai riwayat Israiliyyat, pengaruhnya dalam manuskrip hadith di Alam Melayu, satu bidang penyelidikan yang belum diterokai oleh mana-mana pihak, khususnya di Nusantara ini. Namun begitu, penulis tidak menafikan telah ada kajian-kajian yang dilakukan mengenai Israiliyyat, namun dalam aspek-aspek yang berbeza dengan kajian ini. Penulis menyenaraikan beberapa kajian terdahulu berkaitan dengan Israiliyyat dan manuskrip Islam, iaitu:

- a. *Al-Riwyāt al-Isrā'īliyyāt Fī Tafsīr al-Tabarī*. Kajian ini adalah merupakan Tesis Ph.D. Ahmad Najib bin Abdullah, di Universiti Islam, Madinah Munawwarah, pada tahun 1999. Kajian ditumpukan terhadap ayat-ayat Al-Qur'an di dalam *Tafsīr al-Tabarī* yang mengandungi riwayat-riwayat. Penulisnya telah mentakhrij dan membuat ulasan terhadap rangkaian sanadnya. Kajian ini bermula dari surah al-Baqarah hingga al-Isrā'. Penulisnya membuat kesimpulan bahawa kebanyakan riwayat yang terdapat di dalam *Tafsīr al-Tabarī* adalah didiamkan, walaupun ada yang ditolak dan diterima, alasan beliau, meletakkan hukum Israiliyyat adalah masih dalam bentuk *zanni* dan bukan *qat'i*.
- b. *Ma'a Qaṣaṣ al-Sābiqīn Fī Al-Qur'ān*, hasil karya Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, cetakan Dār al-Qalam, Damsyik. Sebuah penulisan yang lebih menjurus kepada mengupas kisah-kisah umat terdahulu yang diceritakan dalam Al-Qur'an dengan kupasan panjang lebar dari beberapa aspek seperti khurafat, bidaah, Israiliyyat serta menyenaraikan beberapa maklumat yang bertentangan dengan nas Al-Qur'an dan hadith Ṣahīḥ. Penulisnya juga menerangkan asal-usul sesebuah kisah, ayat-ayat *mubhamāt* di dalam Al-

Qur'an serta beberapa persoalan pilihan berkaitan tajuk. Penulis tidak menumpukan perbincangan kepada Israiliyyat secara khusus.

- c. *Isrā 'iliyyāt Mu'āsarah*. Ia juga hasil karya Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī pada tahun 1990:cetakan Dār 'Ammār, Amman, Jordan. Penulisan ini lebih menjurus kepada perbincangan Israiliyyat dalam konteks semasa terutamanya dengan bangsa Yahudi dan perancangan mereka. Penulisnya mendedahkan sebanyak 7 saluran yang dipengaruhi Israiliyyat antaranya pemikiran, sosial, ekonomi dan politik. Penekanan Israiliyyat dalam konteks semasa ini mempunyai kaitan yang rapat dengan propaganda Yahudi dalam merosakkan umat Islam di dunia hari ini. Pengarangnya menganggap pengaruh Israiliyyat amat merbahaya kepada minda dan akidah umat Islam.
- d. *Al-Isrā 'iliyyāt Wa al-Mawdū'āt Fi Kutub al-Tafsīr*, hasil karya Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah, yang selesai ditulis tahun 1971 di Kaherah. Beliau merupakan ulama dan Profesor dalam bidang ilmu-ilmu Al-Qur'an dan Hadith di Universiti al-Azhar, Mesir dan Umm al-Qūrā, Mekah. Sebuah karya yang mengupas beberapa contoh kisah Israiliyyat yang terdapat di dalam kitab-kitab Tafsir. Kajian beliau ini menumpukan kitab-kitab tafsir dan membuat satu komentar terhadap riwayat tersebut terutamanya dari aspek kandungan *matannya* yang bertentangan dengan nas dan meragui *sanad* yang dinisbahkan kepada Sahabat Besar secara tidak benar. Penulisnya juga menyenaraikan beberapa biodata pentafsir dan karya mereka. Sebahagian besar kandungan buku ini membincangkan contoh-contoh Israiliyyat yang berdasarkan topik. Ia juga menumpukan kepada kategori tafsir dan yang berkaitan dengannya. Penulis banyak memanfaatkan kisah-kisah yang dikupas di dalam karya beliau dan dijadikan sebagai rujukan utama kajian ini.

- e. *Al-Isrā' īliyyāt Wa Atharuhā Fī Kutub al-Tafsīr*, karya Ramzī Na'na'ah. Ia adalah sebuah kajian untuk memenuhi ijazah Ph.D. dalam bidang tafsir dan hadith, Fakulti Usuluddin, Universiti al-Azhar, pada tahun 1969. Tesis ini dianugerahi pangkat *mumtāz*. Ia mula diterbitkan di Damsyik oleh Dār al-Qalam pada tahun 1970. Ia dimulai dengan satu mukadimah, disusuli dengan perbincangan panjang lebar yang dimuatkan dalam 4 bab dan beberapa fasal dan diakhiri dengan penutup yang mengandungi saranan beliau dalam menangani permasalahan Israiliyyat. Ia adalah satu kupasan yang menyeluruh terhadap kitab-kitab tafsir dalam konteks melihat kedudukan dan autoritinya sebagai sumber Islam. Beliau juga mengemukakan beberapa biografi para perawi yang banyak disandarkan riwayat Israiliyyat. Pengarang juga mengemukakan 15 buah kitab tafsir terkenal dengan contoh riwayat Israiliyyat serta pendirian pengarangnya. Kaedah dan metodologi kajian beliau juga banyak membantu penulis menghasilkan kajian ini.
- f. *Al-Isrā' īliyyāt Fī al-Tafsīr Wa al-Hadīth*. Buku ini adalah hasil karya Muḥammad al-Sayyid Ḥusayn al-Dhahabī yang dikarang pada tahun 1968 di Universiti al-Azhar, Mesir. Ketika itu beliau merupakan pensyarah di Fakulti Usuluddin. Menurut pengarangnya, buku ini dihasilkan atas permintaan orang ramai dan para cendekiawan dengan keputusan Majlis Buhūth Islāmiyyah, Al-Azhar, sempena muktamar para ulama Islam dan mengingati 14 abad turunnya Al-Qur'an. Ia sebuah karya yang mengandungi mukadimah, disusuli 3 bab dan diakhiri dengan satu penutup. Karya ini menyentuh konsep riwayat Israiliyyat, merebaknya Israiliyyat di dalam sumber tafsir dan hadith serta pengaruhnya terhadap akidah umat Islam. Penulis juga membincangkan Israiliyyat dari aspek kategori, kedudukan para perawi yang banyak

disandarkan riwayat Israiliyyat yang terdiri dari Sahabat, *Tāb ‘īn* juga *Tābi’ al-Tābi’īn*. Beliau membawakan beberapa contoh riwayat yang terdapat di dalam kitab-kitab tafsir namun dalam bidang hadith hanya disentuh secara umum dalam satu muka surat sahaja. Kitab ini menjadi rujukan utama para pengkaji selepasnya, termasuk penulis.

- g. *Karya Klasik Melayu-Islam* adalah hasil karya Mahayudin Haji Yahaya, yang diterbitkan pertama kali oleh DBP, Kuala Lumpur, tahun 2000. Sebuah kajian yang menyentuh sejarah manuskrip Melayu, pengaruh Arab atau Islam di Eropah. Pengarangnya telah mengkaji sebanyak 86 buah manuskrip Melayu-Islam dan telah membuat transliterasi terhadap 5 naskhah manuskrip Melayu dengan menganalisis kandungannya. Kajian ini bertujuan membuat pendedahan serta memberi peluang kepada generasi masa kini untuk memahami dan mendalami ilmu dan pemikiran ulama-ulama silam. Naskhah yang dipilih itu ialah: *Al-Muntahi*, *Kasyf al-Muntazar*, *al-Risālah*, *‘Aqidah al-‘Awām* dan *Hadis-Hadis Nabi*. Kajian ini lebih kepada ingin membongkar khazanah Melayu di negara Barat yang tidak diketahui kewujudannya oleh masyarakat Islam hari ini.
- h. *Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam* adalah kajian Ali Ahmad dan Siti Hajar Che’ Man, juga pertama kali diterbitkan oleh DBP, tahun 1996. Kajian ini telah memuatkan 12 bāb yang didasarkan kepada penelitian penulisnya terhadapnya apa sahaja genre yang termasuk dalam “Sastera Melayu Klasik”, baik prosa maupun puisi. Contohnya, cerita berbentuk hikayat para nabi, Sahabat, pahlawan Islam, orang-orang salih, karangan tasawuf, sastera kitab, cerita-cerita jenaka dan lainnya. Setiap genre dibincangkan oleh penulisnya dengan memberi maksudnya dan dinyatakan

pula sinopsis kepada beberapa karya yang tergolong di dalam genre berkenaan. Kupasan kajian ini lebih menjurus kepada kesusasteraan.

- i. *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, j. 1 hasil karya Wan Mohd Saghir Abdullah yang diterbitkan pada tahun 1991, oleh Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur. Sebuah karya yang menjurus kepada membicarakan beberapa contoh naskhah manuskrip Melayu Islam dari sudut kandungan, transliterasi, analisis data juga beberapa perkara berkaitan sebagai pengenalan kepada manuskrip dan pengarangnya. Di dalam jilid 1 ini, pengarangnya memilih 4 orang tokoh ulama Melayu dan karya mereka iaitu sebuah karya Syeikh Abdullah Arif (Aceh), sebuah karya Syeikh Faqih Ali bin Wan Muhammad bin Syeikh Shafiuddin al-Abbas (Patani), 2 buah karya Syeikh Syamsuddin al-Sumaterani dan 25 buah karya Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri. Justeru, jumlahnya 29 buah karya yang dipaparkan dalam jilid ini.
- j. *Kesusasteraan Melayu Lama Dari Warisan Peradaban Islam* karya Ismail Hamid, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, tahun 1983. Dalam buku ini penulisnya menghuraikan sejauhmanakah peranan agama Islam dalam merangsangkan perkembangan kesusasteraan Melayu lama. Penulisnya membuat kesimpulan bahawa kesusasteraan Melayu Islam itulah yang telah mencetuskan perkembangan kesusasteraan Melayu bercorak tulisan sehingga merintis dan mencetuskan perkembangan dalam bidang-bidang lain bukan berbentuk keagamaan. Penulisnya mengingatkan karya-karya yang dipilih dalam kajian ini bukanlah bertujuan memberi maklumat keagamaan tetapi ialah adalah bersifat kesusasteraan. Justeru terdapat unsur rekaan yang dijelaskan oleh penulisnya dengan merujuk kepada beberapa sumber pengajaran Islam.

k. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, edisi kedua ini adalah hasil kajian Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad, terbitan tahun (2000), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Buku ini membicarakan kesusasteraan Melayu tradisional mencakupi genre sastera rakyat, sastera hikayat, sastera sejarah, sastera epik, sastera panji, sastera kitab, sastera undang-undang dan ketatanegaraan, cerita nabi-nabi dan tokoh-tokoh Islam, dan kepustakaan ilmu tradisional. Kajian ini cuba membawa masyarakat Melayu menyaring kembali hasil penyelidikan para sarjana Barat yang kurang mendalam akal budi orang Melayu, terutamanya unsur-unsur luar yang sengaja dimasukkan ke dalam karya-larya sastera Melayu.

Sehingga tempoh kajian ini dilakukan, penulis melihat keseluruhan kajian mengenai manuskrip dilakukan oleh para sarjana yang menjurus kepada bidang sejarah dan sastera. Justeru ianya tidak membincangkan berkaitan dengan agama atau riwayat Israiliyyat itu sendiri.

## **11. Metodologi Kajian**

Dalam rangka pelaksanaan penyelidikan ini, penulis telah menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan (*Library Research*) yang merangkumi Metod Pengumpulan Data dan Metod Analisis atau Penaksiran Data.

Berdasarkan beberapa dapatan dan penemuan, penulis membuat analisis atau penaksiran data dengan cara perbandingan fakta (*comparative*) antara riwayat

Israiliyyat dengan fakta berdasarkan Al-Qur'an, hadith *sahih* serta ijтиhad ulama hadith yang menggunakan kaedah ilmu hadith. Dengan metod ini penulis dapat membuat satu kesimpulan yang merupakan inti pati kepada analisis kajian.

4

Penulis mengeluarkan sampel beberapa riwayat Israiliyyat berdasarkan metodologi ilmu periwayatan hadith juga aplikasi kaedah ilmu *al-Jarh* dan *al-Ta'dil* dengan menggabung jalin kaedah perbandingan dengan nas *qat'i*, hadith *Sahih* juga metodologi ahli hadith. Melalui kaedah ini penulis akan cuba membuat satu keputusan atau natijah terhadap sampel yang dipilih.

## 12. Susunan Penulisan

Hasil penyelidikan ini disusun menjadi empat bab, dengan satu pendahuluan dan penutup. Dalam bab pertama, isinya meliputi pengenalan Israiliyyat, sejarah, faktor, penilaian sesuatu riwayat Israiliyyat, ruang lingkup serta hukum riwayat Israiliyyat menurut pandangan ulama hadith. Di dalam bab ini disentuh secara ringkas asal usul perkataan Israiliyyat, penggunaan serta hubungannya dengan Bani Israil yang langsung menjurus kepada hubungan Ahli Kitab dengan masyarakat Arab sebelum dan selepas kedatangan Islam.

Memandangkan Ahli Kitab mempunyai peranan yang besar dan hubungannya dengan Israiliyyat, penulis cuba membincangkan golongan Yahudi dan Nasrani dari aspek sejarah dan hubungannya dengan masyarakat Islam, termasuk sumber Islam. Bahagian ini juga menyentuh beberapa faktor dalam dan luaran menyebabkan wujudnya riwayat Israiliyyat di dalam sumber Islam.

Perbincangan diteruskan dengan mengemukakan beberapa penilaian sarjana Islam mengenai kedudukan riwayat Israiliyat berdasarkan hujah dan ijihad masing-masing. Hasil daripada ijihad ini terbentuk hukum terhadap riwayat Israiliyat yang terdapat dalam sumber Islam.

Menyusuli bab kedua pula, penulis menjuruskan perbicaraan kepada sumber dan bahan riwayat Israiliyat di dalam Islam. Di dalam bab ini, penulis memberikan tumpuan kepada riwayat Sahabat, *Tābi'īn* dan *Tābi'i al-Tābi'īn* sebagai sumber utama riwayat Israiliyat. Penulis membincangkan mengenai pandangan ulama terhadap riwayat mereka serta jalan *sanad sahīh* dan tidak *sahīh* yang disandarkan kepada mereka. Penulis juga membicarakan mengenai pandangan dan sikap mereka terhadap riwayat Israiliyat. Selanjutnya penulis mengambil beberapa contoh riwayat Israiliyat di dalam sumber Islam.

Selanjutnya dalam bab berikut iaitu bab ketiga, penulis membincangkan sejarah manuskrip hadith di Alam Melayu meliputi latar belakang pengajian Islam dengan mengambil sampel Patani dan Kelantan sebagai subjek kajian, pengertian manuskrip hadith Melayu, biodata pengarang serta karya mereka. Di dalam bab ini, penulis cuba mengulas secara ringkas latar belakang manuskrip Melayu dan hubungannya dengan masyarakat serta sumber perolehan maklumat.

Seterusnya dalam bab empat, penulis menjelaskan kaedah yang digunakan untuk melakukan analisis serta sumber utama rujukan dalam melakukan analisis. Penulis kemudiannya mengemukakan secara bertopik mengikut populariti topik Israiliyat di dalam manuskrip Melayu. Penulis membahagikan riwayat Israiliyat

kepada empat bidang utama yang meliputi rahsia kejadian makhluk, kisah-kisah para nabi dan rasul, mengenai umat-umat terdahulu dan *ghaybiyyāt* serta hal-hal yang berkaitan dengan kiamat. Penulis juga melihat sejauh mana pengaruhnya kepada akidah, amalan dan pola pemikiran masyarakat Melayu.

Tesis ini diakhiri dengan suatu penutup yang membicarakan tentang perolehan sepanjang kajian dilakukan. Apa yang menarik di dalam penutup ini ialah penulis mendapati metodologi menular riwayat Israiliyyat di Alam Melayu adalah sama dengan negara-negara lain di Asia Barat. Lantaran itu, penulis mengemukakan beberapa idea yang boleh dipertimbangkan untuk menangani pengaruh Israiliyyat secara menyeluruh di peringkat antarabangsa.